

LAPORAN AKTIVITI JANM PULAU PINANG BULAN SEPTEMBER 2021

1. TAKLIMAT PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG



Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Taklimat Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan secara atas talian pada 14 September 2021 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Taklimat ini disampaikan oleh Encik Shahrul Azhar bin Mustafa dan Puan Ameenah Binti Am Abdul Aziz dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pulau Pinang. Seramai 25 orang pegawai Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengikuti program ini. Taklimat ini dijalankan secara atas talian 'Lifesize' berikutan norma baharu.




Penceramah memberi taklimat secara atas talian di Bilik Mesyuarat JANMPP

BIDANG KUASA JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)

Akta Kilang & Jentera 1967	Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerja 1994	Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984, (PSMA) (Akta 302)
19 Peraturan 3 Perintah	8 Peraturan 2 Perintah	1 Peraturan
Objektif Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Negara  14.7 Juta Pekerja		Objektif Akta Kelangsungan Penghantaran, Penyimpanan dan Keselamatan Penggunaan Bahan Petroleum 30 Juta Rakyat  6.4 Juta Industri 
Skop Penguatkuasaan 1.2 juta Majikan *6.4 juta Tempat Kerja 43 ribu Orang Kompeten 541 Firma Kompeten 500 ribu Jentera		Skop Penguatkuasaan 55 Depot 3712 Stesen minyak 30 Pelabuhan 379 Pelantar 468 Loji Petrokimia 2000 Haulier 382 Stokis LPG > 50 Kapal Petroleum > 1000 Jenis peralatan 17800km Taliang Paip

*Sumber: Laporan tahunan SSM 2016

Antara slide yang dibentangkan oleh penceramah



The screenshot shows a Zoom meeting interface. At the top, there is a navigation bar with icons for chat, mute, video, and other controls. The main area is a grid of participant names. The central video feed shows a man with glasses speaking. The names of the participants are:

- musrimawaty
- firdaus
- Kartik Suresh
- salmah
- Salina
- Ommiez6 hv
- JANM Moderator 8
- AMEENAH BT AM ABDUL AZIZ
- Salina
- ROPIZAH


At the bottom, there is a status bar showing the time as 06:25 and the name of the host, Jaya Sahaneswari JANMP.

Sebahagian peserta yang terlibat


2. KURSUS GENERIK: PRINSIP DAN PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN ZON UTARA

Institut Perakaunan Negara (IPN) melalui program Generik Kewangan dan Perakaunan Zon Utara telah menganjurkan Kursus Generik: Prinsip Dan Pengurusan Perolehan Kerajaan Zon Utara pada 21-23 September 2021. Kursus diadakan secara atas talian anjuran JANM Pulau Pinang, Tingkat 42, KOMTAR. Kursus telah disampaikan oleh Encik Muhammad Hafizul Bin Md Hadzir daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang, Encik Aznizam Bin Jahari daripada Pejabat SPRM Pulau Pinang dan Supt. Zulkeflee Bin Sulaiman daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang.


Seramai 21 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan yang menghadiri kursus ini. Kursus diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang pengurusan perolehan kerajaan. Selain itu, kursus ini jugak dapat mempraktikkan tatacara yang betul dalam menguruskan perolehan serta mendapat pendedahan berhubung kes-kes salah laku dalam pengurusan perolehan kerajaan




Penceramah memberi ceramah secara atas talian




Penceramah memberi ceramah secara atas talian



Sebahagian peserta yang terlibat



Sebahagian peserta yang terlibat



Sebahagian peserta yang terlibat

3. TAKLIMAT LHDN BERSAMA PTJ PULAU PINANG ANJURAN JANMPP

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Taklimat LHDN bersama PTJ Pulau Pinang secara atas talian pada 30 September 2021 dari jam 10 pagi hingga 12 tengahari. Taklimat ini disampaikan oleh Encik Kamarul Haslan bin Ramli dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Pulau Pinang. Beliau juga dibantu oleh Encik Yeap Ching Hooi dan Puan Dayang Suhaida Souid dalam sesi soal jawab berkaitan dengan potongan PCB kakitangan kerajaan.


Seramai 41 orang pegawai dari pelbagai jabatan di Pulau Pinang telah mengikuti taklimat ini. Taklimat ini dijalankan secara atas talian 'Lifesize' berikutan norma baharu.



Sebahagian peserta yang terlibat



Sebahagian peserta yang terlibat



Penceramah memberi ceramah secara atas talian